

18/10/2003

35 bekas pramugari MAS dakwa `dikecewakan' Datuk

KUALA LUMPUR: Tiga puluh lima bekas pramugari Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) kecewa selepas gagal mendapatkan kerja baru sebagai krew kabin di sebuah syarikat penerbangan lain seperti dijanjikan seorang `Datuk'.

Selain itu, `Datuk' berusia 55 tahun juga dikatakan menghilangkan diri selepas semua bekas pramugari terbabit menjalani latihan kira-kira sebulan di sebuah resort di Shah Alam, bulan lalu.

Bekas pramugari MAS, Morinna Abdul Malek, 35, mendakwa mereka mendapat tawaran bekerja sebagai krew kabin di sebuah syarikat penerbangan baru yang sepatutnya mula beroperasi 27 September lalu.

Katanya, mereka menandatangani perjanjian kerja antara 2 dan 5 tahun dengan syarikat itu selepas temu duga pada Ogos lalu dan diberi latihan di sebuah resort di Shah Alam, September lalu.

Beliau berkata, syarikat penerbangan baru itu yang didakwa mempunyai hubungan kerjasama dengan sebuah syarikat penerbangan di Indonesia dijangka memulakan perkhidmatan penerbangan pertama ke negara berkenaan pada 27 September lalu.

"Kami menjalani latihan mulai 2 hingga 25 September lalu dan diberitahu majlis perasmian syarikatnya akan diadakan pada 27 September yang mana perkhidmatan penerbangan pertama juga dilancarkan.

"Kita juga dijanji makan malam bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam itu. Tetapi diberitahu sehari sebelum itu penerbangan pertama ditunda kerana tidak mempunyai kapal terbang.

"Selepas itu, `Datuk' menghilangkan diri dan sehingga hari ini, kami masih tidak dapat menghubunginya untuk mendapat penjelasan," katanya ketika ditemui di pejabat Biro Pengaduan Awam MCA di sini, semalam.

Sembilan bekas pramugari MAS membuat aduan kepada Ketua Biro Aduan Awam MCA, Michael Chong.

Morinna berkata, semua pramugari terbabit menjadi hilang haluan, marah dan tidak puas hati.

Katanya, kebanyakan bekas pramugari yang terbabit adalah ibu tunggal dan kejadian itu menyebabkan mereka kehilangan sumber pendapatan kerana sesetengah daripada mereka berhenti dari kerja lama untuk menerima tawaran berkenaan.

Beliau berkata, masing-masing dijanjikan gaji pokok RM1,000 yang akan dimasukkan ke akaun bank mereka pada akhir bulan lalu, namun janji itu tidak ditunaikan.

Selain lelaki bergelar `Datuk', lima lagi termasuk seorang wanita, pengurus krew kabin serta seorang lelaki, pengurus besar syarikat itu yang juga bekas pekerja MAS didakwa turut terbabit dalam pengurusan syarikat berkenaan.

"Kami mula mengesyaki tujuan syarikat itu ketika menjalani latihan di Shah Alam bulan lalu kerana pelbagai dokumen yang diperlukan sebelum penerbangan bermula tiada.

"Antara dokumen yang diperlukan ialah permit penerbangan, pas lapangan terbang dan dokumen pengenalan krew," katanya.

Selain itu, beliau berkata, syarikat penerbangan berkenaan juga meminta kira-kira 40 keping gambar daripada setiap orang dan maklumat peribadi mereka, termasuk nombor akaun bank.

Beliau berkata, enam daripada mereka juga dibawa ke Indonesia untuk menjalani latihan dan melawat pejabat syarikat penerbangan Indonesia.

Pengurus besar syarikat itu ketika dihubungi di sini semalam berkata,

beliau difahamkan kegagalan mendapat pinjaman daripada bank menyebabkan syarikat itu tidak dapat beroperasi seperti yang dijadualkan.

"Saya percaya syarikat itu tidak menipu bekas pramugari. Hanya tidak dapat beroperasi ketika ini kerana tidak mendapat kelulusan pinjaman.

"Setahu saya, lembaga pengarah syarikat itu kini sedang berusaha untuk mendapatkan pinjaman daripada bank. Mungkin syarikat itu akan beroperasi dua atau tiga bulan lagi.

"Syarikat itu sudah mengadakan perjumpaan dengan pramugari yang terbabit dan memberi penjelasan kepada mereka, cuma mereka tidak sabar dan saya percaya gaji mereka akan dibayar tidak lama lagi," katanya.